

**PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI
BILANGAN TAWARAN: EGNC/PM/4.1/6.2024
GOV.BN 2.0, PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN (EGNC), KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI (MTIC)**

Syarat-Syarat Tawaran:

1. Tawaran ini terbuka kepada semua syarikat atau perusahaan yang dikategorikan dalam Syarikat ICT. Syarikat yang mempunyai pengalaman didalam pengendalian dan pengurusan projek ICT dan pembangunan sistem adalah menjadi satu kelebihan.
2. Tawaran ini adalah dibukakan kepada semua syarikat atau perusahaan yang dikategorikan dalam **“Medium Business Size”**.
3. Untuk menyertai tawaran ini, mana-mana syarikat atau perusahaan hendaklah terlebih dahulu **melengkapkan Borang Pembelian Tawaran** yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang Pusat Kebangsaan E-Kerajaan <https://www.egnc.gov.bn/SitePages/Tender.aspx>

Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihadapkan ke Jabatan ini melalui emel kepada Tender@egnc.gov.bn

4. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk membuat pembelian bagi tawaran ini hendaklah membuat pembayaran bagi harga yuran tawaran dan e-dokumen tawaran yang berjumlah **\$2005.00 (tidak dikembalikan)** melalui kaedah **online transfer**. **Nombor akaun akan diberikan melalui emel** setelah borang di atas diterima dengan lengkap.
5. Bagi **Syarikat atau perusahaan yang telah membuat pembelian tawaran** sahaja :
 - a. Salinan asal resit pembayaran, e-dokumen tawaran, borang *Tender Form* dan Borang Pendaftaran Sesi Penerangan akan diberikan Selepas pembayaran dibuat.
 - b. Sesi penerangan tawaran akan diadakan pada hari **Isnin, 28 April 2025** di Pusat Kebangsaan E-Kerajaan pada **jam 2:30 petang** dan terhad kepada **tiga (3) orang wakil sahaja bagi setiap syarikat**.
6. Bagi sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan sesi penerangan tersebut bolehlah menghubungi ke Jabatan ini melalui e-mel Tender@egnc.gov.bn
7. **Tawaran (Proposal)** hendaklah dihantar dalam **sampul surat yang tertutup dan mestilah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi**.

Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut:-

**BILANGAN TAWARAN: EGNC/PM/4.1/6.2024
GOV.BN 2.0, PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN (EGNC), KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI (MTIC)**

tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada:-

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

tidak lewat dari **jam 2.00 petang** pada hari **Selasa, 20 Mei 2025**.

9. **Sila ambil perhatian.**

Tawaran (*proposal*) mestilah dihantar dengan menyertakan:

- a) Borang ***Tender Form*** yang telah disediakan
- b) Sijil Pendaftaran Syarikat yang terkini
- c) *Company's Certificate of Tax Compliance* (Sijil Pematuhan Akta Cukai)
- d) *Compliance of Akta Amanah Pekerja dan Perintah Pencen Caruman Tambahan 2009 - Tabung Amanah Pekerja (TAP), stating the details of Employer account number and the list of employees registered with TAP.*

10. Tawaran-tawaran yang diterima **lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.**

11. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.